




PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI ISNIN: 23 OKTOBER 2017



KANDUNGAN


JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.7 HINGGA NO. 51)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**



SOALAN NO.: 7

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)

SOALAN :

**Datuk Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI SUMBER
ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk
mengatasi pencemaran laut dan hidupan marin yang kurang mendapat
perhatian masyarakat

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat beberapa usaha Jabatan Alam Sekitar untuk mengatasi pencemaran laut dan hidupan marin seperti berikut:

Kawalan ke atas *land-based pollution*

- i. Menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dengan menjalankan penguatkuasaan ke atas kilang-kilang, fasiliti-fasiliti rawatan air kumbahan dan tapak pelupusan sampah yang menghasilkan air buangan atau *leachate* supaya memastikan air yang dilepaskan telah menjalani rawatan dan adalah mematuhi Peraturan-Peraturan yang ditetapkan di bawah Akta.
- ii. Menjalankan penguatkuasaan ke atas projek-projek pembangunan yang tertakluk di bawah *Environment Impact Assesment (EIA)* yang terutamanya melibatkan kerja-kerja tanah bagi memastikan sebarang kawalan pencemaran yang dicadangkan dalam EIA telah dijalankan dan berkesan untuk mencegah sebarang pencemaran terutamanya pencemaran kelodakan atau sedimen daripada memasuki persekitaran marin.
- iii. Sejak tahun 2016, telah dilaksanakan kaedah pematuhan sendiri oleh pihak yang berpotensi menghasilkan pencemaran air seperti pihak kilang, pihak konsesi rawatan kumbahan, pihak pemaju projek melalui program '*Self Guided Regulation*'. Melalui kaedah ini pihak yang terlibat perlu menjalankan pemantauan alam sekitar termasuk prestasi alat kawalan serta pematuhan pada standard bagi air yang dilepaskan. Pemantauan ini perlu dijalankan

sepanjang masa dan rekod-rekod perlu disimpan dan disemak pihak pengurusan yang terlibat dan pegawai penguatkuasa JAS.

- iv. Melalui penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, pihak yang didapati melakukan pencemaran pada air marin atau merosakkan ekosistem sungai akan dikenakan tindakan perundangan mengikut Akta dan peraturan yang berkaitan.

Kawalan ke atas *sea-based pollution*

- v. Mengadakan kerjasama dengan agensi maritim seperti Jabatan Laut dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi memantau kawasan perairan dari sebarang aktiviti – aktiviti yang boleh menyebabkan pencemaran laut.
- vi. Mengadakan Latihan Melawan Tumpahan Minyak setiap tahun bagi meningkatkan kemahiran serta memastikan siap-siagaan agensi-agensi yang terlibat dalam kejadian tumpahan minyak. Mengurangkan jangka masa tindakan dalam melawan tumpahan minyak akan mengurangkan kesan tumpahan minyak kepada hidupan laut dan ekosistem marin.
- vii. JAS juga menjalankan pemantauan kualiti air marin. Melalui kontraktor yang baru dilantik pada pertengahan tahun 2017, pemantauan air marin telah dapat diadakan secara berterusan selain daripada secara manual, 10 stesen berterusan (continuous) dan 388 stesen manual.

Sekian, terima kasih.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa
[Parit Buntar]

TARIKH : 23 Oktober 2017 (ISNIN)

SOALAN : (Dato' Dr. Mujahid Bin Yusof Rawa)
minta **MENTERI PERTANIAN DAN**
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-

Berapakah jumlah peruntukan yang telah diberikan pada tahun 2017 untuk subsidi baja dan racun bagi petani yang mengusahakan sawah padi di daerah Kerian dan seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tahun 2017, sebanyak RM1.386 bilion telah diperuntukkan bagi subsidi dan insentif di bawah subsektor padi dan beras. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM690 juta telah diperuntukkan di bawah Subsidi Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP). Subsidi ini telah memanfaatkan seramai 197,189 orang pesawah di seluruh Malaysia termasuklah 8,237 orang pesawah di Daerah Kerian. Pecahan peruntukan bagi subsidi baja dan racun adalah seperti berikut:

Subsidi	Kerian (RM juta)	Malaysia (RM juta)
Subsidi Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP)	17.385	300.0
Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) – Komponen NPK Tambahan	16.346	250.0
Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) – Komponen Racun	7.868	140.0
Jumlah	41.599	690.0

7

SOALAN NO. 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD
[PASIR GUDANG]

TARIKH : 23 OKTOBER 2017 [ISNIN]

SOALAN :

Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad [PASIR GUDANG] meminta **Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** menyatakan apakah inisiatif di peringkat Kementerian dalam menyokong dan menjayakan pelancaran Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang merupakan pelan jangka panjang untuk membentuk Malaysia menjadi negara beraspirasi rakyat.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Transformasi Nasional 2050 (TN50) adalah satu usaha untuk membentuk masa depan Malaysia bagi tempoh 2020 hingga 2050. Dari sebuah negara maju, kita harus menyasarkan untuk menjadi antara negara di tangga teratas dunia dalam bidang-bidang yang akan ditentukan kemudian berasaskan kepada input aspirasi daripada rakyat.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengadakan beberapa inisiatif dalam menjayakan TN50 ini dengan memfokuskan penglibatan semua kumpulan sasaran dan warga KPWKM. Inisiatif pertama ialah mengadakan **Program Mind Discovery TN50** secara kolaborasi antara KPWKM dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan tema **Pemeriksaan Wanita Muda** telah diadakan pada 20 April 2017 bertempat di Dewan

9

Podium KBS. Seramai 68 orang wanita muda di bawah umur 40 tahun terdiri daripada usahawan, penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPT), golongan profesional, Orang Kurang Upaya (OKU), Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan kakitangan awam dan swasta telah terlibat dengan program ini.

KPWKM juga telah mengadakan 3 siri **program TN50 kepada Pegawai dan Kakitangan KPWKM** yang melibatkan **Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 hingga 54 dan Kumpulan Pelaksana Satu dan Dua.**

Menyedari kepentingan aspirasi dari semua Kumpulan Sasar, **Program Kick Off TN50 bersama Kumpulan Sasar KPWKM** telah dilaksanakan pada 25 Mei 2017 bertempat di Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan (PLPP), Bangi. Program TN50 yang bertemakan **Masyarakat Inklusif Aspirasi Kami** dihadiri oleh Majlis-Majlis Perundingan di bawah KPWKM dan lapan Kumpulan Sasar KPWKM melibat 1,000 orang peserta.

Bagi kumpulan sasar yang melibatkan kanak-kanak, **Program Dialog Perdana TN50** bertemakan ***Children Are Our Future*** telah diadakan dan dihoskan secara bersama oleh saya (YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim) dan YB Brigadier Jeneral Khairy Jamaluddin, Menteri Belia dan Sukan. Seramai 500 orang kanak-kanak telah menghadiri program yang diadakan pada 21 Julai 2017 di Kajang, Selangor.

KPWKM merasa amat bertuah kerana YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah sudi menjadi panel kepada **Program Dialog Perdana TN50 Bersama Wanita** yang telah diadakan pada 4 September 2017 di Kuala Lumpur. Program ini telah dihadiri oleh 1,000 orang wanita daripada pelbagai sektor kerjaya dan semua bangsa dari seluruh Malaysia.

Sebagai Menteri Mentor Universiti Putra Malaysia (UPM), saya (YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim) telah menjadi hos kepada **Program Perkongsian Aspirasi TN50 Menteri Mentor UPM** bersama 3,200 orang mahasiswa baru UPM pada 7 September 2017 bertempat di UPM, Serdang.

11

KPWKM tidak hanya memberi fokus kepada kumpulan sasaran tertentu sahaja. Golongan Gelandangan juga turut diberi perhatian dan **Program Dialog TN50 Bersama Gelandangan** telah diadakan pada 26 September 2017 bertempat di Kem PLKN Geo Kosmo Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor. Program ini melibatkan hampir 500 orang peserta yang terdiri daripada Agensi Kerajaan, NGO dan golongan gelandangan, NGO gelandangan dan agensi Kerajaan yang terlibat dengan pemeraksanaan gelandangan.

Susulan daripada Program *Kick Off* TN50 Bersama Kumpulan Sasar KPWKM, satu **Program Dialog TN50** yang lebih khusus kepada Warga Emas, OKU, Sukarelawan dan Pertugas Pusat Dalam Komuniti (PDK) telah diadakan pada 1 Oktober 2017. Seramai 1,000 orang peserta dari kumpulan sasaran tersebut telah terlibat bagi menjayakan program ini.

KPWKM berhasrat untuk mengadakan Program TN50 seterusnya dengan memfokuskan secara khusus kepada 2 lagi kumpulan sasaran KPWKM iaitu keluarga dan mangsa bencana alam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat antara contoh aspirasi yang telah disuarakan oleh kumpulan sasar ini termasuklah daripada kumpulan sasar kanak-kanak yang telah meyampaikan aspirasi agar negara ini menjadi sebuah negara dalam taman pada tahun 2050.

Bagi Warga Emas, aspirasi mereka adalah untuk Mewujudkan Akta Perlindungan Warga Emas bagi melindungi hak dan kebajikan mereka.

Golongan gelandangan telah menyuarakan aspirasi agar masyarakat tidak memandang negatif kepada mereka dan mahukan panggilan gelandangan digantikan kepada "Rakan Jalanan".

Aspirasi OKU pula adalah agar lebih ramai sukarelawan yang berupaya menjadi juru bahasa isyarat bagi membantu dan memudahkan urusan seharian mereka.

Bagi aspirasi golongan wanita, mereka mahukan sebuah bangunan ikonik yang dirancang, direka, dan dibina oleh wanita sepenuhnya pada tahun 2050.

13

KPWKM amat menghargai setiap aspirasi yang telah disampaikan dalam setiap Program Dialog TN50 anjuran Kementerian ini.

Semua aspirasi yang berjaya dikumpul melalui Program Dialog TN50 ini telah dikemukakan kepada Unit Khas TN50 dan *Civil Service Delivery Unit* (CSDU), Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dari semasa ke semasa.

SOALAN NO.: 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT
23 OKTOBER HINGGA 30 NOVEMBER 2017

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN WONG LIU BIU**

TARIKH : **23 OKTOBER 2017 [ISNIN]**

SOALAN :

Tuan Wong Liu Bui minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berapa ramai orang mendapat subsidi Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia setiap tahun di Sarawak. Adakah skim subsidi akan diteruskan pada masa akan datang.

15

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 20,479 orang pekebun kecil dengan jumlah keluasan 41,564 hektar di Sarawak telah menerima bantuan di bawah Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK). Purata penerima bantuan setiap tahun sejak tahun 2011 hingga 2017 ialah seramai 2,925 orang.

Skim ini telah dimulakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe10) dan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11), iaitu dari tahun 2016 sehingga 2020.

Sekian, terima kasih.